

# Belenggu 27 tahun hadapi banjir

KOSMO 24/11/2006

Oleh SHAMSHUL FITRI MAJID  
fitri@kosmo.com.my

**ALOR GAJAH** - Bagi penduduk Kampung Gadek Dalam di sini, banjir yang berlaku untuk sekian kalinya di kampung itu kelmarin bukan sesuatu yang luar biasa.

Namun masalah itu tetap merimaskan mereka.

Justeru mereka meminta pihak berkenaan segera melakukan sesuatu bagi memastikan kehidupan yang lebih selesa pada masa depan.

Seorang penduduk Maria Mansor, 40, berkata, kehidupannya sejak 27 tahun lalu di situ sentiasa dibelenggu masalah banjir.

"Bila hujan lebat saja, pasti air Sungai Batang Melaka dekat sini melimpah hingga masuk ke dalam rumah.

"Cuba bayangkan, bulan ini saja dah lima kali rumah kami dinaiki air. Takkah seksa tu?," katanya ketika ditemui *KOSMO!* semalam.

Sementara itu, ibunya, Esah Hamid, 65 mengakui kejadian kelmarin adalah yang terburuk tahun ini.

"Air sungai naik hingga ke paras pinggang mulai tengah

malam kelmarin.

"Habis anak-anak ayam peliharaan yang menjadi sumber pendapatan saya mati lemas," ujarinya.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Abdul Rahman Lajis, 71, mendakwa usaha untuk mendalamkan sungai itu yang hanya beberapa meter dari rumahnya, pernah dilakukan tahun lepas.


"Tapi pemilik tanah di seberang sungai itu tidak membenarkan kerja-kerja dilakukan kerana dakwanya, tindakan melebar sungai itu telah masuk ke dalam sempadan tanahnya.

"Kami (penduduk) tidak bertelagah tentang perkara itu tapi pihak berwajib perlulah berbuat sesuatu," jelasnya.

Tambah Abdul Rahman, sungai itu sebenarnya mempunyai kedalaman kira-kira empat meter dan tebingnya agak curam.

"Jadi saya tak pasti sekiranya sungai ini didalamkan ia dapat menyelesaikan masalah banjir di sini.

"Mungkin lebih baik sekiranya dibina benteng di sepanjang kawasan yang terlibat," ujarinya.



ESAH mencuci rumahnya selepas dinaiki air di Kampung Gadek Dalam, Alor Gajah semalam.